

## PANDUAN CUTI **BELAJAR** TANPA GAJI

1. Cuti **Belajar** Tanpa Gaji bermaksud seseorang pegawai yang diluluskan untuk melanjutkan pengajian secara sepenuh masa dan tidak dibayar gaji serta elaun-elaun tetap setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Pegawai dalam Kumpulan **Pelaksana** boleh dipertimbangkan untuk mendapat kemudahan ini bagi mengikuti pengajian di peringkat Sijil, Diploma atau Ijazah Pertama di dalam atau luar negara.

### Syarat-syarat Cuti **Belajar** Tanpa Gaji :

- (a) Telah berkhidmat terus menerus tidak kurang dari 3 tahun selepas tarikh lantikan tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatannya.;
- (b) Telah menunjukkan prestasi kerja yang baik;
- (c) Ketua Jabatan memperakukan dan bersedia melepaskan Pegawai untuk mengikuti pengajian;
- (d) Mempunyai Kepujian dalam Bahasa Melayu di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya;
- (e) Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tahun membuat permohonan;
- (f) Belum pernah diluluskan sebarang kemudahan cuti belajar;
- (g) Hendaklah mengikuti pengajian secara sepenuh masa dalam bidang yang berkaitan dengan keperluan perkhidmatan dan diiktiraf oleh Kerajaan;
- (h) Mempunyai kewangan yang mencukupi untuk membiayai dirinya dan juga keluarga jika mereka ikut bersama (bagi pengajian di luar negara);
- (i) Telah mendapat tempat di Universiti/Institusi (atas daya usaha sendiri);
- (j) Pegawai bebas daripada ikatan perjanjian berkhidmat dengan Kerajaan atau jika terikat telah mendapat kelulusan penggantungan perjanjian.